

Headline	Cabaran pengurus		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	16 Sep 2019	Language	Malay
Circulation	107,609	Readership	322,827
Section	Ekonomi	Page No	31
ArticleSize	664 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 39,371		



ADAKAH tarif air ketika ini memadai atau membebankan?

Tarif air di negara kita adalah sangat rendah jika dibandingkan dengan negara-negara jiran yang lain. Purata penggunaan air bagi setiap isi rumah di negara ini adalah sekitar 27 meter kiub sebulan dengan purata bil kira-kira RM15 untuk penggunaan pada jumlah tersebut. Kos penggunaan ini bersamaan 50 sen sehari, jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan harga sebotol air mineral.

Ini tidak boleh menampung kos operasi yang lebih tinggi daripada air tidak terhasil (NRW) kerana melibatkan sejumlah kos antaranya, kos pengambilan air dari sungai, pengurusan-loji, dan kemudiannya apabila disalurkan kepada pengguna terdapat kos-kos lain seperti baik pulih dan gaji pekerja. Disebabkan penyesuaian tarif tidak dilaksanakan maka industri perkhidmatan air menerima impaknya sehingga hari ini. Kekurangan sumber kewangan menyebabkan sesetengah negeri belum mampu menyediakan perkhidmatan air yang baik.

Apakah kesannya?

Terdapat beberapa operator air berhadapan dengan defisit operasi yang tinggi



Berapa operator air yang beroperasi setakat ini?

Sehingga Disember 2018, SPAN telah mengeluarkan 26 lesen iaitu empat untuk kemudahan dan 22 untuk servis dengan setiap negeri mempunyai satu opera-

Kos penggunaan lebih rendah berbanding sebotol air mineral Cabaran pengurusan air

KEMENTERIAN Air, Tanah dan Sumber Asli akan melaksanakan audit terhadap industri air bagi mengelakkan berlakunya krisis air disebabkan perubahan iklim. Apatah lagi, sumber air di negara ini dijangka berkurangan antara 20 hingga 25 peratus mulai 2025 hingga 2030. Lebih memburukkan keadaan, industri air di Malaysia tidak begitu efisien dalam menangani masalah gangguan bekalan air. Sejauh mana tahap pengurusan air di negara kita dan apakah faktor-

MUKADIMAH

faktor yang perlu diberi perhatian dalam memastikan pengurusan yang lebih strategik? Wartawan Utusan Malaysia, ZUNAIDAH

ZAINON menemuvi Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), DATUK AHMAD FAIZAL ABDUL RAHMAN untuk mendapat gambaran jelas mengenai isu-isu dan dilema dalam pengurusan air dan mengapa tarif air perlu dinaikkan walaupun ia mengundang kemarahan rakyat.

berpunca antaranya daripada tarif air tidak disemak dalam tempoh yang sangat lama iaitu antara 20 hingga 30 tahun. Disebabkan kedudukan defisit ini, ada kalangan mereka menanggung hutang yang sangat besar termasuk terhadap syarikat utiliti lain seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB). Purata kadar tarif air yang rendah iaitu 52 sen bagi setiap 1,000 liter tidak melambatkan kos sebenar penyediaan bekalan air iaitu sekitar RM2.31 bagi setiap 1,000 liter. Keadaan ini jika dibiarkan berlarutan akan meletakkan operator air dalam kedudukan kewangan yang lemah. Perkara ini akan menyumbang kepada ketidakpercayaan operator air untuk melaksanakan penambahbaikan sistem bekalan air dan seterusnya menjejaskan pencapaian dan tahap perkhidmatan kepada pengguna.

tor air. Sejak kebelakangan ini, kita juga menyaksikan peningkatan ketara operator swasta terutama untuk pembentangan melibatkan projek-projek besar. Untuk bekalan air pula, terdapat operator dalam kalangan syarikat swasta dan kebanyakannya milik kerajaan negeri. Selain lesen, kita juga mengeluarkan permit dan setakat ini, 29,924 permit dikeluarkan untuk kontraktor saluran paip dan pembekal. Setiap syarikat yang mahu bergiat dalam industri air, perlu ada permit SPAN, jika tiada maka tiada jaminan barang digunakan memenuhi spesifikasi diluluskan kerajaan atau tidak.

Jika tarif dinaikkan, tetapi operator masih tidak memperbaiki tahap pengurusan, bolehkah lesen mereka ditarik?

Ya, berdasarkan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006, SPAN mempunyai hak untuk menarik balik atau tidak menyambung sebarang lesen atau permit pada mana-mana pihak yang tidak mencapai sasaran ditetapkan. Sebagai contoh, terdapat kes permit ditarik balik terutama pada yang mempunyai rekod salah laku dan tidak memenuhi spesifikasi ditetapkan SPAN.

Isu-isu lain misalnya NRW dan gangguan air pula berkait antara satu sama lain. Bagi mengurangkan NRW, perlunya kepada kerja-kerja penukaran paip uzur dan ini akan memberi kesan langsung kepada margin simpanan air. Penukaran paip akan melibatkan kos sangat besar dan agak mustahil

dilaksanakan jika keadaan kewangan semasa operator air menjadi sandaran.

Seperti kita sedia maklum, purata tarif air semasa hanyalah 52 sen bagi setiap 1,000 liter, sedangkan kos sebenar adalah sekitar RM2.31 untuk jumlah sama, jadi mana mungkin operator air boleh berdaya maju sedangkan sesetengahnya perlukan subsidi kerajaan untuk menampung kos operasi dan paling utama ialah kos emolument dan caj elektrik.

Adakah dengan kenaikan tarif boleh menjanjikan perkhidmatan lebih baik?

Di sesetengah negara-negara Eropah, bil air adalah lebih tinggi daripada elektrik sedangkan Malaysia terdapat negeri yang menawarkan sejumlah bekalan air terawat dengan percuma. Inilah masalah kita, antara politik dan kelestarian. Operator air mahu memberi perkhidmatan terbaik namun tahap kewangan mereka tidak mengizinkan.

Dalam aspek bekalan air ini, ia melibatkan tiga faktor penting iaitu sumber dan kapasiti air boleh dirawat, takungan mencukupi dan sistem pengalihan yang baik. Kita sentiasa meneliti setiap pelan dikedudukan operator-operator ini, sebab ada beberapa negeri tidak mencukupi. Apa yang kita mahukan, apabila berlaku gangguan air, setiap taman perumahan mempunyai takungan lebih 24 jam jadi tempoh masa bekalan terputus dapat dipendekkan.

Oleh itu, tarif air perlu disemak semula agar pengguna memperoleh perkhidmatan lebih baik manakala operator berupaya menjalankan pembangunan sepatutnya.

Oleh itu, tarif air perlu disemak semula agar pengguna memperoleh perkhidmatan lebih baik manakala operator berupaya menjalankan pembangunan sepatutnya.

Tetapi kenaikan ini akan membebankan B40. Apa mekanisme terbaik?

Pada pandangan saya, air percuma secara pukal bukanlah mekanisme sesuai kerana kurang telus dan tidak bersasar. Pemberian subsidi air perlu lebih bersasar dan dikhususkan kepada golongan kurang berkemampuan seperti kumpulan miskin tegar atau B40. Bantuan berupa subsidi wajar kepada golongan sepatutnya. Kerajaan negeri sewajarnya memberi subsidi kepada B40 sebagai tanggungjawab sosial korporat, jadi saya berharap kerajaan negeri dan operator air terlibat dapat menilai semula polisi ini dan memberi subsidi kepada yang betul-betul memerlukan dengan menggunakan senarai nama penerima BSH dari Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Selain itu, bagi mengelakkan pembaziran pula, boleh diberikan had purata penggunaan bersubsidi pada 20 meter kiub.